

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

SOALAN

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) perkembangan terkini dalam cadangan projek keretapi laju KL-Singapore (High-Speed Rail); dan
- (b) jumlah kos yang akan ditanggung oleh kerajaan Singapura dan syarikat-syarikat Singapura, memandangkan kos keseluruhannya dianggarkan sebanyak RM40 billion.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek kereta api kelajuan tinggi atau *High Speed Rail* (HSR) antara Kuala Lumpur dan Singapura kini berada di peringkat penentuan parameter yang melibatkan penstrukturan butiran terperinci projek termasuk pengenalpastian jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan dan perolehan bersama pihak-pihak berkepentingan, termasuk Kerajaan Singapura.

2. Pembinaan dijangka bermula setelah persetujuan terperinci dicapai bersama pihak Singapura dan setelah proses perolehan tamat.

Sekian, terima kasih.